

SOALAN NO. : 30

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 15 MAC 2018 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tentang kaedah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Sg. Bidut, SibU. Apabila banjir melanda, kebanyakan kebun sayur akan dimusnahkan dan mengakibatkan harga sayur di SibU menaik, apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Antara punca berlakunya banjir di kawasan Sg. Bidut, Sibul adalah disebabkan kawasan faktor geografinya yang rendah, pertembungan dengan air pasang serta terletak di kawasan tanah lembut (jenis tanah gambut).

Bagi penyelesaian jangka masa panjang, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan membuat kajian menyeluruh bagi perancangan dari segi pelaksanaan pemasangan dan penggunaan sistem pam di saluran di kawasan tersebut dalam Rancangan Malaysia yang seterusnya.

Bagi penyelesaian jangka masa pendek, penyelenggaraan sistem saluran dari semasa ke semasa akan dilaksanakan melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian kepada JPS.

Sekian, terima kasih.